

CNS4485

R GB 09-03 00191 BA699

bah

Parlimen - Gulung

PARLIMEN; MAHATHIR BIDAS PAS

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas parti PAS yang mengutamakan raja daripada menyokong usaha menegak prinsip Islam, seperti menghadkan imuniti raja-raja.

Beliau berkata dalam Islam, raja-raja tidak mempunyai imuniti dan parti PAS sepatutnya menyokong usaha kerajaan ke arah itu.

Tindakan PAS untuk tidak memberi sokongan kepada usaha kerajaan menghadkan imuniti raja-raja memberi gambaran yang parti itu mempunyai pegangan yang berubah-ubah, katanya semasa menggulung perbahasan rang undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 pada persidangan khas Dewan Rakyat di sini hari ini.

Rang Undang-undang itu kemudian diluluskan dengan 167 anggota BN, DAP, PBS dan bebas menyokong, enam anggota PAS tidak mengundi dan tiada bantahan. Semangat 46 tidak menghadiri persidangan.

Perdana Menteri berkata: "Kita tidak tahu di mana sebenarnya pegangan PAS. Jika parti itu pegang pada agama ia patut pegang agama dan jangan melepaskannya tetapi kini nampaknya pegangan parti itu berubah-ubah."

"PAS sepatutnya sepanjang masa menyokong usaha kerajaan menegakkan Islam walau apapun caranya, terutama dalam isu menghadkan hal imuniti raja-raja," tambahnya. -- Lagi.

▼09/03/19-20MST

CNS4491

R GB 09-03 00127 BA700

bah

Parlimen - Gulung 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga membidas kenyataan Timbalan Yang Dipertua PAS, Haji Hadi Awang yang menyoalkan tindakan kerajaan mendedahkan kesalahan raja-raja dan mendakwa kerajaan tidak memberi penjelasan kepada rakyat mengenai pindaan itu.

Beliau berkata tindakan kerajaan mendedahkan kesalahan raja-raja adalah untuk memaklumkan kepada rakyat kenapa kerajaan perlu mengambil tindakan menghadkan imuniti raja-raja.

Tanpa pendedahan itu, rakyat tidak dapat memahami tujuan kerajaan meminda perlembagaan dan menyedari wujudnya raja-raja yang tidak bermoral, tambahnya.

"Adakah sanggup kita duduk di bawah raja yang tidak bermoral?" tanya beliau.

Beliau juga membidas kerajaan PAS yang sanggup duduk di bawah raja yang sanggup membawa lari kereta import yang belum dibayar cukai dan menyokong tindakan itu. -- Lagi.

▼09/03/19-22MST

CNS4570

U GB 09-03 00143 BB508

BAH

Parlimen - Gulung 3 (Kuala Lumpur)

Perdana Menteri juga menegur sikap Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang pendiriannya berubah-ubah mengenai pindaan tersebut. Pada mesyuarat Menteri-Menteri Besar, Nik Abdul Aziz telah menyatakan sokongannya.

Bagaimanapun setelah kembali ke Kelantan, pendiriannya berubah, kata beliau.

"Mungkin ada yang mempengaruhinya, dan diapun mencari jalan kenapa dia tidak harus menyokong antaranya mempersoalkan tindakan kerajaan mendedahkan kesalahan raja-raja yang didakwa begitu kasar," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, sebagai sebuah parti Islam, PAS sepatutnya membangkitkan isu salah laku raja-raja ataupun menyokong tindakan kerajaan menghadkan imuniti raja-raja dan tidak bertindak menentang.

Perdana Menteri berkata, tindakan kerajaan itu bukanlah untuk mengurangkan hak raja-raja ataupun menghina mereka, tetapi memberikan mereka membela diri dengan pelbagai kelonggaran, antaranya mengadakan mahkamah khas dan diberi peluang memilih dua hakim mereka sendiri. -- Lagi.

▼09/03/20-50MST

CNS4572

U GB 09-03 00125 BB509

BAH

Parlimen - Gulung 4 Kuala Lumpur

Manakala tiga lagi hakim terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Borneo yang bebas daripada sebarang ikatan dengan kerajaan, katanya.

Beliau berkata, kebebasan hakim jelas terbukti apabila mereka mengambil keputusan mengharamkan UMNO pada 4 Feb, 1988 dan hakim berkenaan telahpun dinaikkan pangkat sebagai Hakim Mahkamah Agung.

Tambahnya, kerajaan telah berusaha mengurangkan keraguan raja-raja mengenai pindaan itu dengan memberi pelbagai kelonggaran.

Perdana Menteri berkata, kita perlu percaya pada hakim dan kebebasan mereka membuat keputusan.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, beliau berasa bernasib baik Tun Suffian Hashim dan Tun Salleh Abas bukan lagi menjadi hakim kerana awal-awal lagi keputusan yang diambil mereka bermiripkan tidak betul. --
Lagi.

▼09/03/20-53MST

CNS4576

U GB 09-03 00159 BB510

BAH

Parlimen - Gulung 5 Kuala Lumpur

Beliau sedar Suffian tidak menyukai beliau kerana beliau ialah Perdana Menteri pertama yang berkelulusan kedokotroan dan tidak bidang perundangan seperti ketiga-tiga Perdana Menteri sebelum beliau.

Perdana Menteri juga berkata, dengan pindaan itu "culture of fear" tidak akan wujud lagi di kalangan rakyat dan pemandu kereta di Johor Baharu tidak takut lagi memandu di negeri itu dan pihak polis tidak akan lagi takut dengan arahan raja-raja.

Kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas kerabat di raja yang didapati melanggar undang-undang.

Tindakan kerajaan itu bukan bertujuan untuk mendapatkan "political mileage" tetapi memastikan rakyat di negara ini sentiasa terlindung.

Beliau berkata, kerajaan tidak dapat mengambil tindakan ke atas Tengku Mahkota Johor yang didakwa merogol seorang petugas sebuah hotel di Johor Baharu pada tahun 1990 kerana tiada laporan polis dibuat.

Kerajaan bagaimanapun masih menyiasat kes yang melibatkan Tengku Bendahara Johor Tunku Majid, tambahannya. -- Lagi.

▼09/03/20-55MST

CNS4578

U GB 09-03 00060 BB511

BAH

Parlimen - Gulung 6 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau juga turut membidas DAP yang dahulunya tidak dapat menyokong rang undang-undang itu kerana tidak mengikut prosedur dan mencadangkan diadakan pungutan suara yang boleh membawa kepada revolusi.

Katanya, Barisan Nasional lebih suka mengadakan rundingan dengan raja daripada bertindak terburu-buru.

Persidangan Dewan ditangguhkan. -- Bernama.

▼09/03/20-55MST